



Lembaga Disiplin UMNO lebih tinggi dari MT?

Benarkah dakwaan bahawa Lembaga Disiplin UMNO lebih tinggi kuasanya dari Majlis Tertinggi atau MT? Dakwaan ini dibuat oleh Datuk Syed Ali Al-Habshee, Setiausaha Badan perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan.

Walauapapun persoalannya, Lembaga Disiplin UMNO terletak dibawah Majlis Tertinggi yang menubuhkannya dan merupakan sebuah badan berkecuali didalam menyelesaikan masalah disiplin ahli-ahli parti. Apa yang perlu dibangkitkan ialah ahli Lembaga Disiplin UMNO seperti Tengku Ahmad Rithaudeen seolah-olah mengatasi MT dimana langsung tidak boleh ditegur oleh mana-mana pihak.

Jika diperhatikan sejak ianya ditubuhkan, Lembaga Disiplin terlalu banyak mengeluarkan pelbagai kenyataan dan terlalu banyak dakwaan-dakwaan dari ahli-ahli UMNO dan terlalu banyak persoalan-persoalan yang tidak terjawab oleh karenah dan birokrasi yang ditimbulkan oleh ahli-ahli Lembaga Disiplin UMNO itu sendiri.

Adalah lebih baik, satu ruangan dapat dibuat berupa forum didalam laman web UMNO itu sendiri mempelawa perbincangan positif untuk kebaikan UMNO. Ia lebih telus dan praktikal seimbang dengan keadaan semasa. Soalnya kini, apabila ahli Lembaga Disiplin UMNO ditegur, kenapa terlalu sangat cepat melenting?